

Kakitangan UMSKAL bersihkan Masjid Al-Hikmah

UB 10.1.2015 A4

L A B U A N : Satu program gotong-royong membersihkan Masjid Al-Hikmah telah dilaksanakan oleh kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), kelmarin.

Program anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi UMSKAL (KAKAL) itu bertujuan untuk memastikan masjid berkenaan sentiasa bersih, kemas, cantik dan menarik minat jemaah mengunjunginya.

Pengerusi Kakal Saradli Arsat berkata, program yang julung kalinya diadakan itu mendapat kerjasama Bahagian Hal Ehwal Islam dan Masjid (BHEIM) dan Kelab Suri dan Staf Wanita UMS (Kesumba) KAL.

Beliau berharap dengan adanya program itu yang bakal diadakan lagi dalam tempoh sebulan akan datang, memberikan impak yang positif kepada warga universiti.

Selain itu katanya, program gotong-royong

yang menjadisalah satu acara Kakal mampu mengeratkan lagi hubungan baik dalam kalangan staf UMSKAL.

"Saya ucapkan terimakasih kepada kakitangan yang meluangkan masa membersihkan kawasan stor dan penyimpanan barang-barang yang tidak lagi digunakan," katanya.

Saradli berkata, sesuai dengan amalan 5S, Kakal mengutamakan kebersihan dan ancaman penyakit apatah lagi di Masjid Al-Hikmah.

RUANG WAKTU LELAKI



SEBAHAGIAN kakitangan UMSKAL yang menjayakan program membersihkan Masjid Al-Hikmah, petang Jumaat.